

KOBIS

Nama Saintifik : *Brassica Oleracea*

Nama Biasa : Kubis, Kobis, Cabbage, Round cabbage, English cabbage

Kegunaan : Dimakan segar, jeruk, salad, hiasan makanan

1. PENGENALAN

Saiz pasaran kobis bulat bagi dunia ialah 881,157 tan pada tahun 2002. Malaysia berada di kedudukan ke-15 di kalangan negara-negara pengeksport kobis. Sebagai pengimport, Malaysia berada di tangga ke-10 pengimport kobis dunia.

Pasaran utama bagi kobis bulat Malaysia ialah Singapura.

2. TINJAUAN PASARAN

2.1 Pengenalan

Negara pengimport utama kobis Malaysia ialah Singapura. Berdasarkan kepada nilai, Malaysia menguasai pasaran kobis di Singapura dengan syer pasaran sebanyak 9% pada tahun 1999 dan meningkat kepada 10% pada tahun 2001. Walaubagaimanapun dari segi kuantiti, jumlah yang diimport telah menurun daripada 4,037 tan pada tahun 1999, kepada 3,412 tan pada tahun 2001. Kemerosotan ini disebabkan oleh persaingan dengan kobis yang diimport dari China dan Australia.

Dari segi negara utama pembekal kobis ke Singapura, Malaysia masih mengekalkan kedudukan di tangga ke-3. Import kobis segar dan sejuk oleh Singapura dari negara-negara utama dapat disemak pada jadual 1.

Jadual 1

Singapura : Import Kobis Segar dan Sejuk (*chilled*) Dari 14 Negara Utama
Kuantiti (tan) dan Nilai (S\$ juta)

		2000		2001	
	Negara	Kuantiti	Nilai	Kuantiti	Nilai
1	China Peo Rep of	21,481	11,011	21,733	11,488
2	Australia	2,613	3,250	2,601	3,142
3	Malaysia	3,254	1,631	3,412	1,792
4	Hong Kong, China	425	449	472	553
5	Taiwan	452	220	963	422
6	Thailand	361	339	223	248
7	Japan	50	146	57	139
8	Vietnam Soc Rep of	348	128	104	43
9	Netherlands	6	21	3	14
10	United States	25	19	10	10
11	Korea, Rep of	2	5	6	5
12	New Zealand			1	1
13	France		1		1
14	India	1	1		-
	Sub Total of Selected	29,018	17,220	29,585	17,858
	Others	90	61		
	Total	29,108	17,281	29,585	17,858
	Sub Total of Selected	29,018	17,220	29,585	17,858
	Others	90	61		
	Total	29,108	17,281	29,585	17,858

Sumber : International Enterprise Singapore

Kadar pertukaran RM1.00 = S\$0.43 (purata Tahun 2001)

2.2 Permintaan

a) Domestik

Kajian FAMA pada tahun 1997, menunjukkan saiz pasaran domestik dijangka akan meningkat kepada 229,410 tan pada tahun 2006, daripada 236,293 tan.

Unjuran penggunaan isi rumah, institusi dan industri serta eksport tahun 2006 dapat disemak pada jadual 2.

Jadual 2

Unjuran Permintaan Domestik Kobis Bulat (tan) Bagi Tahun 2002 – 2006

a. Penggunaan Utama	2002	2003	2004	2005	2006
1. Isi rumah	110,072	112,934	115,869	118,883	121,973
2. Institusi	34,979	40,227	46,261	53,202	61,185
3. Kilang	145,054	4	4	5	6
Eksport (Kadar pertumbuhan 11%)	4,207	4,663	5,168	5,727	6,348
Jumlah	236,293	249,727	264,582	281,071	299,410

Kadar pertumbuhan (1996 – 2001) kuantiti eksport dan import Malaysia bagi sayur-sayuran ialah 11% dan 2 %.

Kadar pertumbuhan (1996 – 2001) nilai eksport dan import Malaysia bagi sayur-sayuran ialah 17% dan 10%.

Kadar pertumbuhan (1996 – 2000) kuantiti eksport dunia bagi komoditi ialah 3%.

Sumber : FAMA

b) Eksport

Eksport kobis bulat Malaysia yang segar dan disejukkan menunjukkan peningkatan sebanyak 13 % kepada RM4,139.3 juta pada tahun 2001, daripada RM3,585.7 juta pada tahun 1999.

Jadual 3

Malaysia : Eksport Kobis Bulat Dan Disejukkan Mengikut Negara

Negara	1999		2000		2001	
	Kuantiti (kg)	Nilai	Kuantiti (kg)	Nilai	Kuantiti (kg)	Nilai
Singapore	3,862,990.08	3,185,588.00	3,098,389.42	3,063,803.00	3,222,720.89	3,169,964.00
Brunei	217,130.70	396,980.00	332,100.00	631,160.00	564,969.25	967,020.00
Thailand	3,417.00	3,208.00			1,930.00	1,165.00
Indonesia			420.00	600.00		
Taiwan					5,880.00	1,176.00
Jumlah	4,083,537.78	3,585,776.00	3,430,909.42	3,695,563.00	3,795,500.14	4,139,325.00

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport kobis bulat Malaysia yang segar dan disejukkan ke negara utama boleh disemak pada jadual 3. Dari data tersebut, jelas menunjukkan Singapura masih merupakan luang pasaran eksport kobis bulat yang paling penting. Lebih kurang 10% hingga 15% daripada jumlah nilai eksport kobis bulat Malaysia disalurkan oleh pemborong Malaysia ke Singapura.

c) Spesifikasi Pasaran

Terdapat dua jenis kobis yang ditanam di Semenanjung Malaysia iaitu kobis bulat dan kobis panjang. Varieti kobis bulat yang banyak ditanam di Cameron Highlands ialah KY Cross dan US Tropical. Varieti US Tropical lebih keras dan padat, sementara KY Cross lebih ringan dan kurang padat.

Untuk penanaman di tanah pamah, varieti yang sesuai ialah KK Cross dan Autumn Queen.

Spesifikasi pasaran

Spesifikasi pasaran yang ditentukan dan diterima di pasaran adalah seperti berikut :-

- Varieti yang seragam (Ringan dan berongga atau berat dan padat)
- Daun pelindung (wrapper leaves) berwarna hijau
- Bahagian tangkai dirapikan sekurang-kurangnya 10mm daripada daun pengasih.
- Bebas dari kotoran
- Bebas dari kerosakan, kecederaan, kecacatan rupa dan bentuk.

a) Keperluan kualiti pasaran

Keperluan pasaran untuk pemborongan kobis bulat adalah mengikut saiz yang seragam (berat) seperti berikut:

Gred 1 - > 1.5 – 2.00 kg/ biji

Gred 2 - > 1.0 – 1.50 kg/ biji

b) Pembungkusan

Pembungkusan kobis bulat yang biasa digunakan pada masa ini adalah beg nylon, bakul buluh, bakul plastik dan kotak kertas.

Pembungkusan terbaik bagi kobis bulat adalah:

- i) Bakul plastik bermuatan tidak melebihi 30 kg
- ii) Beg Nylon bermuatan tidak melebihi 20 kg.

c) Penyimpanan

Suhu terbaik bagi penyimpanan kobis bulat adalah 0°C – 2°C dengan kadar kelembapan RH – 90% - 95%

2.3 Bekalan

a) Domestik

Pengeluaran tanaman kobis di Malaysia dianggarkan sebanyak 30 tan sehektar. Sebagai bandingan, pengeluaran per hektar bagi negara-negara pesaing dunia dapat disemak pada Jadual 4.

Jadual 4 : Pengeluaran (Yield) tan/hektar Negara Pesaing Berbanding Dengan Malaysia

Negara	Kawasan Penanaman	Pengeluaran tan/hektar
Indonesia	Jawa Barat	23.8
	Jambi	32.2
	Sumatera Utara	23.1
	Sumatera Barat	25.7
Thailand	Chieng Mai	27.3
Malaysia	Cameron Highlands	30.0
	(Tanah Tinggi)	
	Kelantan (Tanah Rendah)	18.0

Sumber : BPS Statistics Indonesia
Jabatan Pertanian Malaysia

b) Import

Di samping mengeksport, Malaysia juga merupakan negara pengimport kobis bulat. Jumlah nilai import kobis segar dan disejukkan menunjukkan tren menaik dan meurun pada tahun 1999 – 2001.

Jadual 5 : Malaysia : Import Kobis Bulat Segar Dan Disejukkan Mengikut Negara

Negara	1999		2000		2001	
	Kuantiti (kg)	Nilai (RM)	Kuantiti (kg)	Nilai (RM)	Kuantiti (kg)	Nilai (RM)
Australia	161,387.26	264,986.00	175,814.80	231,732.00	43,086.10	131,320.00
China	5,097,163.50	6,293,024.00	4,751,477.64	6,533,931.00	4,555,934.50	5,622,242.00
Hong Kong			24,188.00	18,917.00	7,308.00	13,672.00
India						
Indonesia	21,652,856.25	8,404,425.00	19,240,066.08	6,847,684.00	23,349,461.53	8,049,144.00
Netherlands	860,500.00	1,187,694.00	1,264,000.00	1,361,156.00	1,309,044.00	1,383,244.00
Switzerland	19,800.00	67,716.00				
Taiwan	15,400.00	36,617.00			23,800.00	7,124.00
Thailand	635,790.00	375,826.00	464,856.00	275,980.00	309,922.00	216,340.00
Amerika Syarikat					132.00	616.00
Vietnam	51,000.00	34,079.00	20,000.00	10,626.00		
Germany						
Belgium			20,000.00	22,792.00		
Jumlah					95.00	2,423.00
	28,494,027.01	16,664,706.00	25,960,402.52	15,302,782.00	29,598,853.13	15,729,095.00

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia mengimport sebahagian besar keperluan kobisnya dari Indonesia, China dan Netherlands. Pengimportan kobis bulat dari Netherlands seratus peratus untuk keperluan syarikat KFC.

c) Kawasan Utama

Kawasan utama pengeluaran kobis bulat adalah di Cameron Highlands. Kobis bulat tanah-rendah pula banyak ditanam di Kelantan, terutamanya di daerah Pasir Mas dan Machang. Kobis panjang juga boleh ditanam di kawasan tanah rendah.

2.4 Harga

Kobis bulat merupakan sayuran berdaun yang mudah rosak. Ia tidak boleh disimpan lama, dan mengalami kejatuhan nilai yang cepat dan permintaan yang tidak anjal berbanding penawaran.

Berdasarkan hakikat ini, harga sukar dinyatakan secara tepat dan tetap pada sesuatu masa. Struktur harga pemborongan kobis bulat adalah seperti berikut :

- i) Harga jualan dikira tinggi pada harga jualan borong melebihi RM1.80/kg.
- ii) Harga jualan dikira sederhana pada harga jualan borong di antara RM0.80 dan RM1.80 sekilo.
- iii) Harga jualan dikira rendah pada harga jualan borong kurang daripada RM0.80/kg

Kobis Cameron Highlands mendapat harga yang lebih tinggi berbanding dengan kobis Indonesia. Kebiasaannya, harga borong kobis bulat Cameron Highlands di Pasar Borong Kuala Lumpur 10 hingga 20 sen lebih mahal daripada harga kobis Indonesia, setiap kilogram.

3. FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

a) Benih bermutu

Pemilihan biji benih bagi varieti yang baik sewajarnya diteliti bagi membolehkan penghasilan keluaran yang tinggi.

b) Sumber Manusia

Tenaga kerja yang mencukupi dan mahir memainkan peranan penting terutama semasa proses memetik/menuai.

c) Infrastruktur

Kemudahan-kemudahan seperti bilik sejuk, tempat penyimpanan adalah penting bagi menjamin kelancaran urusan niaga.

4. KELEBIHAN MELABUR DI MALAYSIA

a) Khidmat sokongan

Insentif. Terdapat berbagai insentif yang disediakan oleh kerajaan, khususnya bagi pengeluaran sayur-sayuran dan tanaman jangka-pendek secara berterusan di bawah projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Insentif yang disediakan oleh jabatan dan agensi kerajaan adalah seperti berikut :-

- a) Jabatan Pertanian - Kemudahan asas kepada peserta untuk mengusahakan tanaman makanan termasuk pembersihan kawasan dan pembekalan sistem pengairan sebanyak RM10,000/hektar.
- b) FAMA - Kontrak Pemasaran di mana peserta dijamin pasaran hasil yang dikeluarkan.
- c) Bank Pertanian - Menyediakan program pembiayaan pembangunan seperti Tabung untuk Makanan (Fund for Food, 3 F) dan Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan.

5. PELUANG PELABURAN

a) Pembekal Benih

Kobis ditanam dari biji benih. Pada masa kini biji benih diimport seratus peratus. Negara pembekal utama biji benih kobis adalah Jepun, Taiwan dan Korea. Biji benih kobis bulat pada masa ini dijual pada harga RM98.00/100gm. Ianya boleh dibeli daripada pengedar di seluruh Malaysia.

b) Pakar agronomi dan teknologi

Pakar perunding agronomi yang boleh menentukan kesesuaian tanah bagi sesuatu tanaman.

c) Pakar kaji serangga dan musuh perosak

Bidang ini adalah penting bagi menjamin hasil yang bermutu serta bebas daripada racun serangga yang berlebihan. Namun begitu, kebanyakan petani tempatan masih lagi bergantung sepenuhnya kepada racun serangga bagi menghindari serangan serangga dan penyakit. Oleh itu, satu kaedah atau sistem yang mantap yang tidak terlalu bergantung kepada penggunaan racun serangga perlu diwujudkan. Para pelabur yang berkebolehan adalah digalakkan untuk terlibat secara serius di dalam bidang ini.

6. KOS & PULANGAN

Kos pengeluaran bagi tanaman kobis di Cameron Highlands adalah RM0.65/kg.

Secara perbandingan, kos pengeluaran kobis bulat negara-negara pesaing utama dapat disemak pada jadual 6.

Jadual 6

Kos Pengeluaran dan Kos Pemasaran Kobis Bulat Negara Pesaing Berbanding
Dengan Malaysia

Negara Pengeluar	Cara Import	Kos Pengeluaran RM/Kg	Kos Pemasaran RM/Kg	Harga Ex-Pasar Borong Kuala Lumpur
Indonesia	Tongkang	0.31	0.18	0.49
	Ref.Kontena 40'	0.31	0.29	0.60
Holland	Ref. Kontena 40'	0.20	0.85	1.05
Thailand	Lori	0.37	0.15	0.52
China	Ref. Kontena 40'	0.13	0.79	0.90
Malaysia	-	0.65	0.20	0.85

Sumber : Jabatan Pertanian Indonesia

ENDS.